

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG**  
**[ LABIS ]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2019**  
**[ RABU ]**

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan operasi sindiket ceti haram atau ‘Ah Long’ ganas dan berbahaya semakin meningkat setiap hari dan ramai telah menjadi mangsa sindiket, sama ada pihak Kementerian akan menggubal Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 untuk mengenakan hukuman penjara mandatori dan penyitaan/ pelucutan hak semua harta-harta alih dan tidak alih milikan pesalah dan keluarganya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengambil perhatian akan kegiatan operasi sindiket ceti haram atau lazimnya dikenali sebagai ‘Ah Long’ yang mengakibatkan orang ramai menjadi mangsa sindiket kepada kegiatan haram ini.

## **NO SOALAN : 3**

2. Walau bagaimanapun, Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang tidak berlesen terletak di bawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM). Berdasarkan keputusan Mesyuarat Pasukan Khas Mencegah Ceti Haram yang diadakan pada 28 Disember 2006, telah wujud persefahaman di antara pihak PDRM dan KPKT bahawa KPKT hanya memberi tumpuan terhadap penguatkuasaan PPW berlesen sahaja selaras dengan Seksyen 5, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]. Manakala PDRM pula bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan Ah Long di bawah Seksyen 5(2).
3. Sehubungan itu, bagi kes-kes yang membabitkan Ah Long, mangsa ataupun mana-mana pihak yang berkenaan adalah dinasihatkan untuk membuat laporan polis di mana-mana balai polis yang berdekatan dan pihak KPKT juga akan merujuk kes-kes yang melibatkan Ah Long ke PDRM.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT bersama beberapa Kementerian lain termasuk Bank Negara Malaysia sedang dalam proses penggubalan Akta Kredit Pengguna (AKP) yang turut melibatkan akta sedia ada bagi melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan pasaran kredit yang sihat.

Sekian, terima kasih.